

# Pensyarah wanita botakkan kepala

## ► Tanda sokongan kepada pelajar hidap kanser tulang

UB 18.7.2019 A5

Oleh YAP SIONG HAN

**KOTA KINABALU:** Seorang pensyarah wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS) sanggup mencukur rambut bagi memberi sokongan kepada seorang pelajar yang menghidap penyakit kanser tulang tahap tiga.

Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Dr Bamini KPD Balakrishnan, 39, mengambil keputusan untuk membotakkan kepala bagi melahirkan rasa empati kepada pelajarinya, Richelle Hii Hua Yin, 20, yang dikesan menghidap kanser itu pada hujung Februari lalu.

“Pada awalnya, pelajar ini dikesan menghidap kanser

tulang di bahagian lutut, namun sebelum menjalani rawatan kemoterapi yang pertama pada awal Mac, pemeriksaan yang dilakukan mendapati sel kanser telah merebak ke paru-paru.

“Semalam (16 Julai) dia telah menjalani rawatan kemoterapi kali ke-8, sebelum dua lagi rawatan susulan dan kita harapkan dia beransur sembuh dan pulih seperti sedia kala,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Menurutnya, terdapat pelbagai cara untuk menunjukkan kebaikan dan sokongan kepada Richelle, tetapi ketua Program Pemasaran itu lebih memilih untuk mencukur rambut bagi menunjukkan rasa

kebersamaannya terhadap pelajar yang berasal dari Beluran itu.

“Saya mahu pelajar ini tahu bahawa kita semua ada untuknya dan dia tidak berseendirian melalui saat-saat sukar terutama dalam menanggung kesakitan yang dialami.

“Tiada niat untuk mencari populariti, saya cuma mahu memberikan dia galakan dan keberanian untuk terus kekal positif.

“Saya juga ingin mengajak rakan-rakan dan orang ramai untuk mendoakan kesembuhan bagi pelajar ini,” katanya.

Katanya, Richelle adalah pelajar yang aktif dalam kokurikulum dan baik dalam kurikulum.

“Beliau berjaya memper-

oleh keputusan yang cemerlang pada peperiksaan Semester 1 dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.6, dan merupakan anggota Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (Suksis).

“Pada kesempatan ini, saya sebagai pensyarah juga ingin merakamkan penghargaan kepada Dekan FPEP Prof Madya Dr Raman Noordin, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah FPEP Dr Arif Kamisan Pusiran dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS yang sentiasa menjaga kebajikan pelajar,” katanya.

**BAMINI (kanan) bersama Richelle.**

